



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 353

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN KHAS BAGI PENGURANGAN SEWA
KEPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA) 2021

*INCOME TAX (SPECIAL DEDUCTION FOR REDUCTION
OF RENTAL TO A SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE)
RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN KHAS BAGI PENGURANGAN
SEWA KEPADA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Khas bagi Pengurangan Sewa kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bulan yang layak” ertinya bulan April tahun 2020 hingga Disember tahun 2021;

“tuan tanah” ertinya mana-mana orang yang menyewakan suatu premis perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana;

“perusahaan kecil dan sederhana” ertinya suatu perusahaan kecil dan sederhana yang bermastautin di Malaysia dan diperakui sebagai suatu perusahaan kecil dan sederhana oleh SME Corp. Malaysia;

“premis perniagaan” ertinya premis yang digunakan oleh perusahaan kecil dan sederhana hanya bagi maksud perniagaannya dan termasuk suatu lot bazar, gerai, parkir kenderaan, gudang penyimpanan atau mana-mana tempat yang digunakan hanya bagi maksud perniagaan;

“SME Corp. Malaysia” ertinya Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*].

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan tuan tanah daripada pendapatan sewanya di bawah perenggan 4(*a*) atau (*d*) Akta dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun pengurangan sewa yang tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada kadar sewa bulanan di bawah perjanjian sewa sedia ada bagi suatu premis perniagaan bagi setiap bulan yang layak.

(2) Bagi maksud kelayakan bagi potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini, tuan tanah hendaklah menyimpan—

- (*a*) perjanjian penyewaan yang disetamkan di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*];
- (*b*) suatu penyata pendapatan yang berasingan bagi pendapatan sewa bagi bulan yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
- (*c*) suatu pengesahan yang dibuat oleh—
 - (i) tuan tanah menyatakan amaun pemberian pengurangan sewa; dan
 - (ii) perusahaan kecil dan sederhana menyatakan penerimaan pengurangan sewa; dan
- (*d*) perakuan oleh SME Corp. Malaysia yang mengesahkan status perusahaan kecil dan sederhana.